

02/08/2002

Keganasan ekonomi ibarat ancaman pengganas

LANGKAWI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keganasan ekonomi, seperti juga ancaman serangan pengganas, perlu ditangani bagi mengelak negara membangun dijajah semula.

Perdana Menteri mendedahkan, Malaysia sendiri sudah menjadi mangsa kepada tindakan keganasan ekonomi itu apabila sebuah negara kaya, merebut satu pelaburan besar yang sepatutnya datang ke negara ini, dengan menawarkan AS\$200 juta (RM760 juta) kepada syarikat berkenaan.

"Malaysia tidak mungkin boleh menawarkan insentif sedemikian," katanya tanpa menyebut nama negara berkenaan dan syarikat terbabit.

Berucap merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi - Global 2002 (Dialog 2002-LID) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, di sini malam ini, Dr Mahathir berkata sementara negara kaya bimbang mereka diserang pengganas, negara miskin turut mempunyai kebimbangan sendiri.

"Mereka bimbang negara kaya mengambil alih ekonomi dan negara mereka. Mereka bimbang dijajah semula. Negara membangun hari ini tidak berupaya melindungi diri masing-masing daripada tekanan yang dibawa oleh keganasan ekonomi ini.

"Mereka menghadapi keganasan ekonomi sama seperti dunia sekarang menghadapi ancaman serangan pengganas," katanya.

Perdana Menteri berkata, tidak seperti ancaman serangan pengganas, keganasan ekonomi dilihat sebagai satu tindakan yang tidak salah dan perlu disokong oleh semua pihak, termasuk negara membangun sendiri.

Hari ini, katanya, negara maju sama-sama bersaing dengan negara miskin untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI).

"Mereka menawarkan tanah dan modal percuma kepada syarikat asing, termasuk kepada syarikat milik negara yang hampir membangun, untuk menempatkan kilang di negara kaya itu.

"Jika syarikat ini enggan menempatkan kilang mereka di negara kaya ini mereka akan dikenakan pelbagai halangan bukan tarif dan diskriminasi. Kesannya bukan kemasukan modal ke dalam negara miskin tetapi kebuluran FDI dan mungkin juga aliran keluar modal daripada negara miskin," katanya.

Selain persaingan berat sebelah untuk merebut FDI, negara membangun turut menghadapi ancaman terhadap komoditi mereka yang selama ini dieksport untuk memberi pertukaran mata wang asing yang diperlukan bagi membeli barang industri.

Dr Mahathir berkata, tahun demi tahun negara membangun melihat mereka perlu menjual lebih banyak sumber asli yang kian berkurangan untuk membeli barang industri diperlukan.

"Kita sebenarnya terjerat kerana negara kaya tidak bergantung sepenuhnya kepada kita untuk mendapatkan bahan mentah bagi industri mereka. Mereka tidak hirau sama ada kita membeli produk keluaran mereka atau tidak kerana pasaran mereka kebanyakannya adalah di negara kaya sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara kaya itu mencipta dan mengeluarkan bahan mentah mereka sendiri untuk bersaing dengan komoditi dari negara miskin.

Sebagai contoh, komoditi Malaysia seperti minyak sawit kini menghadapi persaingan daripada minyak kacang soya yang diubah secara genetik (GM). Produk itu akan memiskinkan lagi negara miskin yang bergantung kepada hasil pertanian.

"Dengan mengubah (secara genetik) soya, mereka mampu menghasilkan lebih banyak minyak daripada sehektar tanaman soya, sekali gus mengurangkan harga minyak itu kepada paras yang sama seperti minyak sawit dan minyak

sayuran lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun negara kaya sendiri menolak produk GM atas alasan kesihatan, mereka tidak mempunyai sebarang kekesalan untuk menjual produk yang sama kepada negara membangun.

"Seolah-olah tindakan itu tidak memadai, mereka memberi subsidi secara langsung dan tidak langsung kepada produk pertanian mereka. Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) memaksa negara miskin menghapuskan subsidi kepada produk pertanian mereka, tetapi agensi yang sama tidak pernah menghalang negara kaya daripada menyediakan subsidi yang tidak adil dan banyak," katanya.

Satu lagi contoh keganasan ekonomi disentuh oleh Perdana Menteri ialah krisis kewangan Asia yang banyak menghancurkan ekonomi negara Asia Timur.

Beliau berkata, jika negara membangun ingin memerangi keganasan ekonomi, mereka perlu memahami terlebih dulu apa yang dihadapi.

"Selepas itu, kita mesti berkerjasama. Kita mungkin lemah dan bergantung (kepada negara kaya) untuk mendapatkan bantuan dan pinjaman. Namun, masih ada kemungkinan bagi kita mengambil pendirian serupa untuk memerangi ancaman ini.

"Keganasan ekonomi perlu dikalahkan. Perang terhadap keganasan perlu menyeluruh dan hasilnya perlu memberi manfaat kepada semua," katanya.

Dialog perkongsian pintar itu yang bermula hari ini sehingga Sabtu ini turut dihadiri Presiden Ghana John A.Kufuor; Presiden Kyrgyz, Askar Akayev; Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili; Perdana Menteri Mauritius, Aneerood Jugnauth dan Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma.

Ketua kerajaan dan negara lain yang menyertai dialog kali keenam di pulau peranginan ini ialah Presiden Rwanda, Paul Kagame; Presiden Sudan, Lt Gen Omer Hassan Ahmed Al-Bashir; Raja Swaziland, Raja Mswati III; Perdana Menteri Mozambique, Pascoal Manuel Mocumbi dan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe.

Timbalan Presiden Afrika Selatan Jacob Zuma dan Naib Presiden Seychelles James Alix Michel turut menyertai dialog itu.